

GARIS PANDUAN PENULISAN ARTIKEL

TUJUAN DAN PENILAIAN

Penulisan Artikel ini adalah bertujuan untuk dimasukkan dalam majalah Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu dan setiap artikel yang dihantar akan dinilai oleh ahli sidang redaksi dari pelbagai latar belakang.

FORMAT

Artikel hendaklah ditulis dengan berpandukan format berikut:

Penggunaan Perisian	<i>Microsoft Office Word</i>
Jenis Font (Rumi)	<i>Times New Roman /Arial</i>
Jenis Font (Arab)	<i>Traditional Arabic</i>
Saiz Font (Rumi)	12
Saiz Font (Arab)	16
Saiz Font Catatan Bawah/Nota Kaki	10
Jarak Baris Teks	1.5 Spacing

Perkataan selain daripada Bahasa Malaysia hendaklah dicondongkan (*italic*)

BIDANG TOPIK ARTIKEL

- I. Al-Quran dan Hadis
- II. Akidah dan Aliran Pemikiran
- III. Perkahwinan
- IV. Pengurusan Halal
- V. Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka
- VI. Muamalat dan Kewangan Islam
- VII. Sistem Perundangan Islam
- VIII. Dakwah dan Pembangunan Insan
- IX. Isu-isu Semasa

BAHASA

Artikel boleh ditulis sama ada dalam **Bahasa Malaysia**, **Bahasa Inggeris** atau **Bahasa Arab**.

TAJUK DAN TAJUK PERENGGAN

Tajuk utama hendaklah ditulis dengan huruf besar (*uppercase*). Sub-tajuk hendaklah ditulis dengan huruf kecil kecuali, huruf pertama bagi setiap perkataan hendaklah ditulis dengan huruf besar (*title case*). Semua tajuk utama dan sub-tajuk hendaklah ditebalkan (**bold**) tulisannya bagi memudahkan pemahaman kepada urusetia.

RUJUKAN KEPADA AL-QURAN

Semua ayat al-Quran hendaklah ditulis dalam Rasm al-Uthmani dan menggunakan aplikasi Quran *word* bukan berformat gambar.